

PM nafi simpanan emas di Amerika alami kerugian

21 AUG 1990

KANGAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad, menolak dakwaan kononnya simpanan emas Malaysia dengan sebuah syarikat, Drexel Trading, di Amerika Syarikat, mengalami kerugian.

“Semua simpanan emas kita mendatangkan keuntungan.

“Kita tidak menanggung sebarang kerugian bagi simpanan (emas) itu,” katanya kepada pemberita selepas berucap kepada 10,000 pekerja pilihanraya dan penyokong Barisan Nasional Negeri di sini bagi mengakhiri kunjungan seharian ke Perlis hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan DAP dalam akhbar The Rocket terbitan parti itu.

Akhbar itu melaporkan kononnya simpanan emas Bank Negara seberat 112,646 auns bernilai \$115 juta dalam syarikat itu, mengalami kerugian.

Ini berikutan syarikat induknya, Drexel Group, memohon dibankrabkan kerana menghadapi masalah kewangan.

The Rocket memetik Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, sebagai berkata bahawa pada 26 Jun, Malaysia akan mendapat balik wang itu, termasuk keuntungan berikutan sewaan emas oleh Bank Negara dalam syarikat itu.

Di samping itu, Perdana Menteri juga meminta pemimpin Semangat 46 dan Pas menyatakan pendirian

masing-masing sama ada menyokong cadangan pemimpin Pergerakan Pendidikan Cina yang mahukan lebih dari satu bahasa dan agama rasmi di negara ini.

Beliau berkata, beliau menerima aurat daripada pergerakan itu yang meminta kerajaan supaya turut menjadikan Bahasa Cina sebagai bahasa rasmi dan mewujudkan lebih dari satu kebudayaan serta agama rasmi.

Katanya, pemimpin pergerakan itu juga meminta ditubuhkan sekolah untuk setiap kaum iaitu Cina bagi kaum Cina dan begitu juga bagi kaum lain.

“Kita mahukan pendirian Semangat 46 dan Pas terhadap cadangan pergerakan itu secepat mungkin kerana mereka selama ini mengakui bekerjasama dengan DAP.

“Kita juga mahu mengetahui sama ada dua parti itu sanggup berkempen untuk pemimpin pergerakan berkenaan yang akan bertanding dalam pilihanraya atas tiket DAP nanti,” katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perlantikan bekas presiden Persatuan Jawatankuasa Sekolah-Sekolah Cina Malaysia, Encik Lim Fong Seng dan Setiausaha Eksekutifnya, Encik Lee Ban Chen masing-masing sebagai Timbalan Pengerusi dan Penasihat DAP.

Sementara itu, ketika berucap kepada pekerja pilihanraya BN di sini, beliau

menyatakan kesalnya terhadap tindakan Encik Lim dan Encik Lee yang masih mempertikaikan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Islam sebagai agama rasmi negara selepas 33 tahun merdeka.

Katanya, kedudukan Bahasa Melayu dan Islam sudah dipersetujui oleh semua kaum, termasuk Cina dan India melalui MCA dan MIC.

“Begitu juga Umno dan orang Melayu juga mengakui kebebasan kaum lain untuk mengamalkan agama dan bahasa mereka, termasuk bidang pendidikan.

“Tindakan parti pembangkang itu nampaknya cuba bermain api kerana menimbulkan isu yang sensitif dan boleh mengancam keamanan serta kestabilan negara,” katanya.

Beliau berkata, tindakan itu juga menunjukkan parti pembangkang tidak mempedulikan masalah keamanan dan kestabilan negara dalam usahanya mendapatkan kuasa.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, BN sedang mengumpulkan semua ucapan Tengku Razali Ghemasa beliau menjadi Menteri Kewangan dan kemudiannya, Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Katansa, pemimpin Semangat 46 itu sering memburukkan pemimpin DAP dan Pas begitu juga sebaliknya pemimpin dua parti berkenaan, tetapi kini mereka sanggup bersatu.